

MAJLIS PELANCARAN DAN PERTUKARAN MEMORADUM PERSEFAHAMAN INISIATIF E-DAGANG S.M.A.R.T NIAGA@PERAK



IPOH, MEI 14, 2020 – Lanjutan daripada pengumuman inisiatif S.M.A.R.T Niaga@Perak bagi memudahkan jualan sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri dijalankan tahun ini, Kerajaan Negeri Perak melalui Digital Perak Corporation Holdings (DigitalPerak) memeterai kerjasama tersebut melalui memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat-syarikat pengendali platform e-dagang Lazada Malaysia (Lazada) dan Shopee Malaysia (Shopee), syarikat pengendali bayaran 'e-wallet' Boost, Axiata Digital Ecode Sdn. Bhd. (Boost) serta Axiata Digital Capital Sdn. Bhd. (Aspirasi), sebuah syarikat yang menyediakan pembiayaan mikro berdasarkan prinsip Syariah, sempena pelancaran inisiatif ini, hari ini.

Majlis pelancaran S.M.A.R.T Niaga@Perak ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Nolee Ashilin Binti Dato' Mohd Radzi, Pengurus Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam, Pelancongan Dan Memangku Portfolio Komunikasi Dan Multimedia Negeri Perak.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri Bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan mewakili pihak Kerajaan Negeri Perak manakala Lazada diwakili oleh Naib Presiden, Dasar Awam & Hal-Ehwal Kerajaan, Shahrul Azhar Shaari; Shopee diwakili oleh Ketua Kluster Barang Pengguna Bergerak Pantas (FCMG), Tan Ming Kit; Boost diwakili oleh Pengarah Rangkaian Perdagangan, Eric Chong dan Aspirasi telah diwakili oleh Pengarah Wilayah-Pembangunan Perniagaan dan Operasi, Ankur Jakhwal.

Selain membantu para peniaga menjalankan urusan jualan secara dalam talian, inisiatif ini juga berupaya memperluaskan jualan mereka ke pasaran antarabangsa melalui platform-platform e-dagang yang terkemuka ini. Shopee melalui pakej sokongan digitalisasi 'Shopee Seller', mengecualikan yuran komisen serta menawarkan baucer berjumlah RM400, kredit iklan My Ads sebanyak RM200, penghantaran percuma bagi pembelian minimum sebanyak RM19 selama dua minggu dan kursus latihan percuma e-dagang daripada Universiti Shopee kepada para peniaga baru.

Dalam pada itu, pihak Lazada menawarkan pengecualian yuran penyenaraian, yuran komisen, caj transaksi selama 30 hari serta kursus latihan percuma e-dagang daripada Universiti Lazada bagi para peniaga baru di bawah Pakej Kedai Pintar di samping menghubungkan mereka kepada perkhidmatan pinjaman mikro dan lain-lain dalam ekosistem Lazada. Bagi tujuan membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terkesan akibat pandemik Covid-19, pihak Aspirasi menyediakan pembiayaan mikro 'Aspirasi Assist Covid-19' sebagai modal kerja RM1,000 sehingga RM10,000 dan juga perlindungan insurans Covid-19.

Dengan tempoh masa proses kelulusan yang singkat, iaitu 2 hari sahaja, permohonan dibuka khas kepada semua peniaga S.M.A.R.T Iftar@Perak dan S.M.A.R.T Niaga@Perak. Para peniaga Perak diuar-uarkan membuat pendaftaran S.M.A.R.T Niaga@Perak secara percuma melalui portal DigitalPerak

<https://digital.perak.my/smartniaga> sehingga hujung tahun ini untuk menikmati insentif-insentif menarik yang ditawarkan.

BERNIAGA NORMA BARU? MOH JOIN

**S.M.A.R.T
NIAGA @ PERAK**

SATU LACI INISIATIF NEGERI PERAK

LAYARI PORTAL

<https://digital.perak.my/smartniaga/>

RAKAN STRATEGIK:

BURSA PELABURAN TERBUKA
PERSATUAN SETIAWAKA NEGERI PERAK
Universiti
perak
Shopee Lazada Boost
PORTAL lokén
W

